

01 JUN 2001

Syed Hamid-Korea

SYED HAMID AKAN LAWAT KOREA UTARA BERMULA ISNIN

SEPANG, 1 Jun (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar akan melakukan lawatan rasmi empat hari ke Korea Utara bermula Isnin depan untuk membuka laluan bagi hubungan yang lebih erat antara kedua-dua negara.

Lawatan beliau ialah atas jemputan rakan sejawatannya di Korea Utara Paek Nam Sun, kata Syed Hamid kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) sekembalinya dari Jakarta selepas menghadiri sidang kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) di Jakarta.

Ia merupakan lawatan pertama beliau ke Pyongyang sejak mengambil alih jawatan Menteri Luar pada Januari 1999.

Syed Hamid berkata lawatan itu dijangka dapat meningkatkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Korea Utara, membuka laluan kepada hubungan yang lebih bermakna antara kedua-dua negara yang terjalin sejak lebih 20 tahun lepas.

"Kita juga akan meninjau kemungkinan memperluaskan bantuan teknikal di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) untuk membantu negara itu dalam pembangunan ekonomi dan membuka pintunya kepada masyarakat global," katanya.

Syed Hamid akan diiringi oleh pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Luar dan juga Persekutuan Keibubapaan Terancang Antarabangsa (IPPF) dan juga Majlis Penggalakkan Minyak Sawit Malaysia (MPOPC).

Semasa lawatan empat hari itu, Syed Hamid dijadual melakukan kunjungan hormat terhadap Paek selain daripada membincangkan dan bertukar pandangan mengenai isu-isu kepentingan bersama.

Syed Hamid juga akan menyampaikan mesej muhibah daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pemimpin Korea Utara Kim Jong-Il yang menumpukan pada keinginan Malaysia untuk mengembangkan hubungan dua hala dan sokongannya bagi proses dialog antara Korea Utara dan Korea Selatan.

-- BERNAMA

NHA AZZ PR